

24 OCT 2000

Parlimen-Saham

PRESTASI PASARAN SAHAM MALAYSIA LEBIH BAIK BERBANDING SERANTAU

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Prestasi pasaran saham Malaysia secara keseluruhannya adalah lebih baik berbanding prestasi pasaran saham negara serantau seperti Thailand, Indonesia, Korea dan Jepun, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata bagaimanapun prestasi yang meningkat atau menurun merupakan fenomena biasa kerana pasaran saham dipengaruhi sentimen dan faktor semasa sama ada faktor dalam negara atau luar negara.

"Jika dibandingkan dengan prestasi tahun 1998, prestasi tahun ini meningkat daripada terendah 262.7 mata pada tahun 1998 kepada yang tertinggi sebanyak 1,013.27 mata pada tahun ini," katanya ketika menjawab soalan Robert Lau Hio Chew (BN-Sibu) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Shafie berkata walau bagaimanapun ia jatuh kepada 765.20 mata pada 17 Okt dan kelembapan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) itu dipengaruhi faktor luaran dan dalaman.

Beliau berkata faktor luaran itu ialah kenaikan mendadak harga minyak mentah di pasaran dunia yang memberi kesan terhadap prestasi ekonomi dunia secara keseluruhannya dan ketidakpastian pasaran menjelang pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang bermula pada 7 Nov ini.

Dr Shafie berkata turut mempengaruhi BSKL ialah kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat, kemungkinan keuntungan korporat yang berkurangan terutama yang melibatkan syarikat-syarikat gergasi komputer Amerika Syarikat, ketidakstabilan politik Asia Barat dan pelabur asing beralih ke pasaran lain seperti China.

Sementara itu, faktor dalaman pula ialah proses penstrukturan semula aktiviti korporat berjalan dengan perlahan dan kemungkinan pengelasan semula Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI) bagi pasaran Asia selain Jepun yang dijadualkan sebelum akhir 2000 yang menggunakan konsep terapung permodalan pasaran.

Mengenai kemasukan pelabur asing sebenar, beliau berkata peratus nilai dagangan pelabur asing di BSKL bagi tahun 1997 ialah 23.7 peratus berbanding 27.4 peratus pada 1998 dan 16.9 peratus pada 1999.

Dr Shafie berkata usaha-usaha dijalankan bagi memperkukuhkan pasaran saham BSKL termasuk memastikan kedudukan ekonomi Malaysia yang mantap dan berusaha menjadikan Malaysia sebuah negara aman, harmoni dan stabil daripada segi politik.

Selain itu, katanya, usaha juga dibuat bagi mempertingkatkan piawaian tadbir urus korporat dengan bertujuan mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan tadbir urus korporat, meningkatkan mekanisme kawalseliaan sendiri serta latihan dan pendidikan.

Dr Shafie berkata bagi memperkukuhkan BSKL usaha dilaksanakan untuk meningkatkan ketelusan, penzahiran dan perlindungan kepada pelabur melalui peralihan secara beransur-ansur kepada pengawalseliaan berteraskan penzahiran.

Usaha lain meliputi meningkatkan keupayaan pengawasan dan penguatkuasaan dengan meminda undang-undang berkaitan supaya Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL mempunyai kuasa yang lebih luas untuk membuat penyiasatan dan pemeriksaan terutama yang berkaitan perdagangan dalaman serta urusan niaga yang melibatkan pegawai-pegawai syarikat, katanya.

Beliau berkata usaha lain yang dilaksanakan ialah mengukuhkan institusi perantaraan pasaran dengan meningkatkan piawaian berhemat selaras dengan amalan terbaik antarabangsa seperti memperkenalkan nisbah kecukupan modal bagi syarikat broker dan menggubal rangka kerja komprehensif untuk melindungi aset pelanggan.

"Kerajaan juga memperkenalkan Pelan Induk Pasaran Modal bertujuan

meletakkan pasaran modal Malaysia kepada kedudukan yang strategik," katanya.

Sementara itu, Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang) mengemukakan soalan tambahan sama ada sentimen pasaran BSKL juga ditentukan oleh tindak tanduk pemimpin negara seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad keluar negara mengakibatkan nilai matanya jatuh dan bila beliau pulang nilai matanya naik semula.

Shafie berkata kalau dilihat fakta dan bukan persepsi, andaian itu tidak tepat kerana pada masa yang sama (semasa Dr Mahathir melawat ke luar negara atau pulang ke tanah air) pasaran saham di negara lain seperti Nasdaq dan Hang Seng juga boleh turun dan naik atas faktor lain.

Kepada soalan tambahan Lau, beliau berkata peratus nilai dagangan oleh pelabur asing di BSKL dari Januari hingga Jun 2000 pula ialah bagi Januari sebanyak 18.53 peratus, Februari (14.67 peratus), Mac (14.38 peratus), April (19.95 peratus), Mei (34.38 peratus) dan Jun (39.81 peratus)

Katanya, kemuncak pencapaian BSKL setakat ini untuk tahun ini ialah pada 18 Feb dengan 1,013.27 mata.

Beliau berkata pencapaian indeks komposit BSKL adalah selaras dengan pencapaian bursa serantau yang semuanya mencatatkan kerugian.

-- BERNAMA

MNY MNY AKD